

## BAB KEDUA

### HADITH SEBAGAI SUMBER AKIDAH

#### 2.1 Pendahuluan

Nabi Muhammad s.a.w. ialah insan yang paling mulia di sisi Allah s.w.t. Al-Quran diturunkan melalui malaikat Jibril kepadanya untuk disampaikan kepada umatnya. Di samping itu segala percakapan baginda s.a.w. adalah wahyu daripada Allah s.w.t. . FirmanNya di dalam surah al-Najm.<sup>1</sup>

وَمَا يَنْطَقُ عَنِ الْهُوَيْ (٣) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى (٤)

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemauan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadith ) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

Segala pertuturan, tingkah laku, perakuan dan sifat-sifat Nabi s.a.w. adalah wahyu yang wajib dituruti dan dijadikan tauladan. Ia dikenali di dalam terminologi sebagai *al-Hadīth* atau *al-Sunnah* . Oleh itu, ilmu ini dikira sebagai ilmu yang paling mulia di samping al-Quran dan orang yang mencebur i bida ng ini

---

<sup>1</sup>Surah al-Najm, ayat 3-4

juga dikira sebagai amal yang paling baik di sisi Allah s.w.t. kerana peranan besar mereka kepada survival Islam dan umatnya.<sup>2</sup>

Akhlik Rasulullah s.a.w telah membuktikan kesyumulan al-Quran di dalam segenap aspek kehidupan seperti hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ā’isyah ketika ditanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w., lantas beliau berkata:<sup>3</sup>

”كان خلقه القرآن“

Maksudnya: “Sesungguhnya akhlak Rasulullah s.a.w. adalah merupakan al-Quran”.

Penulis memfokuskan perbincangan terhadap skop pengkajian hadith-hadith Akidah di dalam kitab Jawi yang digunakan dengan meluasnya di dalam masyarakat Islam di Malaysia iaitu kitab ‘*Aqīdah al-Nājīn*. Fokus perbincangan akan bertumpu tentang pengenalan ilmu Hadith menurut ulama-ulama Islam dan kedudukannya di dalam akidah sebagai salah satu sumber hukum yang penting.

---

<sup>2</sup> Muhy al-Dīn Yahya bin Syarf al-Nawawi, *Saḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawi*, Dar al-Rayyān, Kaherah, t.t., Jil. I, hal.4

<sup>3</sup> Hadith Riwayat al-Bukhārī, Fi al-Ṣalāh 369, Mawaqit al-Ṣalāh 555, 556, 558, al-Adhan 584, 590, al-Jum'ah 939, 941, 1110, Bad' al-Khalq 3023, al-Manaqib, 3304, al-Da'awat 5835, Muslim, al-Taharah, 371, al-Haid 465, Ṣalāh al-Musāfirin wa Qasruha 1187, 1188, 1193, 1202 – 1219, Musnad Ahmad, Baqi Musnad al-Anṣār 23460.

## 2.2 Pengertian Hadith

Seorang sarjana Islam, Muhammad Mustafa 'Azami menjelaskan tentang pengertian hadith menurut bahasa. Di dalam kenyataannya , beliau menyatakan bahawa:

"Perkataan hadith dari segi bahasa bererti perkhabaran, cerita dan perbualan sama ada tentang keagamaan atau keduniaan, peristiwa sejarah atau semasa. Apabila perkataan ini digunakan sebagai kata adjektif, ia bermakna baru. Perkataan hadith digunakan sebanyak dua puluh tiga (23) kali dalam al-Quran."<sup>4</sup>

Di dalam al-Quran, perkataan hadith banyak digunakan untuk menjelaskan pengertian tentang perkhabaran, sejarah, urusan dan perbualan.

Contohnya kisah tentang perkhabaran di dalam firman Allah s.w.t.<sup>5</sup>

الله نزل أحسن الحديث كتاباً متشابهاً مثاني تشعر منه جلود الذين يخشون ربهم ثم تلين جلودهم وقلوبهم إلى ذكر الله .

Maksudnya: "Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah."

<sup>4</sup>Muhammad Mustafa 'Azami,*Kajian Metodologi dan Penulisan Hadith*, terj. Engku Ibrahim Engku Ismail, D.B.P, Kuala Lumpur, 1989, hal.3

<sup>5</sup>Surah al-Zumar, ayat: 23

## 2.2.1 Hadith Menurut Istilah Ahli Hadith

Ahli Hadith sepandapat dalam memberikan takrif hadith walaupun terdapat sedikit perbezaan di dalam memberikan huraian dan perincian tentangnya. Di antaranya ada yang bersifat umum dan ada juga yang bersifat khusus. Namun mereka sepandapat tentang pokok perbincangan hadith iaitu segala perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w.

Ibn Hajar mentakrifkan hadith sebagai:

“Apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.”<sup>6</sup>

Takrif yang dikemukakan oleh Ibn Hajar ini adalah bersifat umum yang meliputi segala perkara dan keadaan asalkan ianya disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. Hasil daripada takrif tersebut, hadith *Maudū'* (hadith palsu) juga dikira sebagai hadith.<sup>7</sup>

Ada juga di antara ahli-ahli Hadith yang memberi takrifan hadith yang lebih bersifat khusus dan mempunyai kaitan secara langsung dengan Rasulullah s.a.w.

---

<sup>6</sup>Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ al-Bukhārī*, Jil. I, hal.203

<sup>7</sup>Iaitu menurut pengertian umum kerana segala perkara yang disandarkan beserta sanadnya (palsu) kepada Rasulullah s.a.w. dan matan adalah hadith walaupun ia sebenarnya tidak diiktiraf oleh ulama sebagai hadith mengikut pengertiannya yang sebenar. Lihat Muhammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *Usūl al-Hadīth*, hal. 415.

Di antaranya ialah seperti takrif hadith yang diberikan oleh ‘Ajjaj al-Khatib, iaitu apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w daripada perkataan, perbuatan, *taqrir* (perakuan) atau sifat sama ada sifat kejadian atau akhlak begitu juga dengan sirah hidupnya sama ada sebelum menjadi rasul seperti berkhawl dan beribadat di Gua Hira’ atau sesudah menjadi rasul.<sup>8</sup>

Manakala ‘Ali al-Qari juga mentakrifkan hadith sepertimana takrifan ‘Ajjaj al-Khatib dengan menyatakan bahawa hadith itu bermaksud segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w daripada perkataan, perbuatan, *taqrir*, gerak laku dan diam sama ada semasa jaga ataupun tidur.”<sup>9</sup>

Menurut Muhammed Maḥfuz al-Turmuṣī (M. 672H), *al-Hadīth* ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w sama ada berupa perkataan, perbuatan, pengakuan dan sebagainya. Menurut beliau inilah takrif yang dipersetujui oleh kebanyakan ulama-ulama Hadith.<sup>10</sup>

Jamal al-Din al-Qasimi (M. 1332H) memberi pengertian hadith sebagai apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w yang terdiri daripada perkataan, perbuatan, diam setuju dan sifat baginda Rasulullah s.a.w. Menurut

---

<sup>8</sup>*Ibid.*, hal.19

<sup>9</sup> Ali al-Qari al-Harawi, *op.cit.* , , hal.16

<sup>10</sup> Muhammed Maḥfuz al-Turmuṣī, *Minhāj Dhawī al-Nazar*, Matba’ah al-Jamāliah, Mesir, 1332H , hal.8

pendangan beliau, sifat Rasulullah s.a.w adalah sama ada sifat kejadiannya seperti bentuk fizikal badannya ataupun akhlaknya seperti cara bermuamalah dengan orang lain, sifat pemurah, penyayang, sabar dan sebagainya.<sup>11</sup>

Manakala Ibn Taimiyah (M. 728H) memberikan maksud hadith dengan lebih khusus lagi iaitu apa-apa yang dilakukan oleh baginda Rasulullah s.a.w selepas kebangkitan baginda menjadi rasul, dalam bentuk perkataan, perbuatan atau pengakuan baginda. Pengakuan baginda *thabit* daripada tiga perkara yang tersebut.<sup>12</sup>

Daripada takrif di atas dapatlah dirumuskan bahawa ahli-ahli Hadith mentakrifkan hadith sebagai apa-apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sama ada daripada perkataan, perbuatan, pengakuannya, sifat perbuatannya (akhlak) ataupun sifat kajadiaannya. Ini adalah kerana segala perkara yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w adalah cetusan daripada wahyu Ilahi. Allah s.w.t berfirman:<sup>13</sup>

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَى (٣) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى (٤)

<sup>11</sup> Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qasimī, *Qawā'id al-Tahdīth min Funūn Muṣṭalaḥ al-Hadīth*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, 1979, hal. 61

<sup>12</sup> Ibn Taimiyah, Ahmad bin Syihab al-Dīn, *Majma' Fatawa*, Matba'i al-Riyād, Riyād, 1382H, Jil.8, hal.6

<sup>13</sup> Surah al-Najm, ayat 3-4

Maksudnya: “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

## 2.2.2 Hadith Menurut Ulama-ulama Islam

Hasil daripada penelitian dan pengamatan ulama-ulama *Usūl al-Fiqh* terhadap hadith atau sunnah Rasulullah s.a.w., mereka membahagikannya kepada dua bahagian:

Pertama, *al-Sunnah al-Huda*, ia dapat dilihat pada sembahyang berjemaah, azan, iqamat dan sebagainya. Sesiapa yang mengetepikannya maka rosaklah perjalanan *al-Sunnah*.

Keduanya ialah *al-Sunnah al-Zawā`id*, dapat dilihat pada jenis pakaian, berdiri atau duduknya Rasulullah s.a.w atau sebagainya. Sesiapa yang tidak mengikutinya tidaklah merosakkan perjalanan *al-Sunnah*.<sup>14</sup>

Ucapan Rasulullah s.a.w. dan pengakuan baginda tidak menimbulkan persoalan, tetapi perkara yang paling banyak menimbulkan perbezaan pendapat

---

<sup>14</sup>Saif al-Din Abu Hasan ‘Ali bin Abi ‘Ali Al-Amidi, *al-Ihkam fi Usūl al-Ahkam*, Matba’ah Muhammad ‘Ali Sabih, Kaherah, 1968, hal. 131

ialah berhubung dengan perbuatan baginda s.a.w sama ada setiap perbuatannya membayangkan hukum ataupun sebaliknya.

Ulama *Usūl al-Fiqh* membahagikan perbuatan Rasulullah s.a.w. kepada beberapa bahagian:

- i. Perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan orang lain seperti bergerak, makan dan minum, tidur dan sebagainya. Mereka sepakat mengatakan bahawa perbuatan tersebut tidak tertakluk kepada sebarang hukum. Ia harus dilakukan dan ditinggalkannya menurut kemauhan dirinya sendiri.
- ii. Perbuatan yang khusus baginya sahaja seperti mewajibkan ke atas dirinya mengerjakan sembahyang sunat Duha, mengharuskan bagi dirinya beristeri lebih daripada empat, menyambung puasa dan lain-lain. Para ulama *Usūl al-Fiqh* sepakat megatakan bahawa perbuatan tersebut khas untuk dirinya sahaja, kecuali perkara yang ada nas yang melibatkan umatnya bersama.
- iii. Perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. yang bertujuan menetapkan hukum yang terdapat di dalam nas-nas al-Quran wajib diikuti oleh umatnya seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain.
- iv. Perbuatan-perbuatan yang tidak jelas, sama ada untuk membayangkan hukum atau sebagai perbuatan untuk mendampingkan diri kepada Allah s.w.t. Sekiranya jelas bagi mendampingkan diri kepada Allah s.w.t, maka terdapat perbezaan di antara ulama-ulama *Usūl al-Fiqh*,

sama ada perbuatan itu menetapkan hukum sunat atau wajib bagi dirinya atau diri sahabatnya. Tetapi sekiranya tidak jelas menampakkan sebagai amalan mendamping diri, maka persoalan menentukan hukum sebagai sunat atau wajib tidak timbul.<sup>15</sup>

Berhubung dengan perbuatan yang dilakukan secara tetap dan dengan cara yang tertentu, seperti cara makan, minum,tidur, duduk dan sebagainya, terdapat perbezaan di antara ulama *Usūl al-Fiqh* dan ulama Hadith sama ada ia menetapkan hukum atau tidak. Tetapi kebanyakan ulama Hadith berpendapat bahawa ia menetapkan hukum sebagai sunat.<sup>16</sup>

Manakala hadith menurut istilah ulama Fiqh ialah setiap perkara yang *thābit* (tetap) daripada Nabi s.a.w. dan bukan fardhu dan bukan juga wajib.<sup>17</sup>

### 2.3 Pembahagian Ilmu Hadith

Menurut ulama Hadith, ilmu Hadith terbahagi kepada dua pembahagian yang asasi, iaitu *Ilmu Ḥadīth Riwayah* dan *Ilmu Ḥadīth Dirayyah* atau lebih

---

<sup>15</sup>Ibid.

<sup>16</sup>Al-Amīdī, *op. cit.*, Jil. 1, hal. 131

<sup>17</sup>Muhammad ‘Ajjāj al-Khatīb, *op. cit.*, hal. 19

dikenali sebagai ‘*Ulūm al-Hadīth* atau *Mustalah al-Hadīth* dan ada juga ulama yang menggelarkannya dengan nama *Usūl al-Hadīth*.<sup>18</sup>

Kedua-dua bahagian itu memberikan takrifan yang berbeza sekali, iaitu:

i. *Ilmu Hadīth Riwayah*

Iaitu ilmu membincangkan terhadap perkara yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. sama ada perkataannya, perbuatan, ketetapan(*taqrīr*) dan sifat-sifatnya sama ada tingkah laku mahupun sifat fizikalnya.<sup>19</sup>

Secara umumnya hadith ini hanyalah menyentuh tentang matan (nas) hadith dan intipati mesej yang ingin disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. tanpa membincangkan autoritinya sebagai dalil dan hujah.

ii. *Ilmu Hadīth Dirāyah (Ulūm al-Hadīth)*

Ita merupakan ilmu dengan kaedah-kaedah tertentu yang digunakan untuk mengetahui kedudukan sanad dan matan sama ada dari segi periyatannya,

---

<sup>18</sup>Cabang ilmu ini membincang perkara usul ataupun kaedah-kaedah umum berkaitan sanad dan matan untuk dipraktikkan di dalam pengkajian hadith sama ada ianya boleh diterima atau ditolak dan sebagaimana kaedah *Usūl al-Fiqh* di dalam Fiqh. Lihat Dr. Ahmad 'Umar Hasyim, *Qawā'id Usūl al-Hadīth*, Ma'had al-Dirāsat al-Islamiyyah, Kaherah, 1995, hal.6

<sup>19</sup>Muhammad 'Ajjāj al-Khaṭīb, *op.cit.*, hal. 7

syarat-syarat, pembahagiannya mahupun hukum-hukumnya. Begitu juga dengan perawi-perawinya (*Ilm al-Rijal*) dan perkara yang berkaitan dengannya.<sup>20</sup>

Dengan itu, kaedah-kaedah yang diperkenalkan di dalam sesebuah hadith akan dinilai dengan nilaiann ilmiah sama ada ia boleh diterima ataupun sebaliknya.

## 2.4 Sejarah Perkembangan Hadith

Kehidupan Rasulullah s.a.w bersama para sahabat merupakan kehidupan biasa seperti kebanyakan manusia tanpa sebarang sekatan dan hijab yang membatasi mereka sebagaimana yang berlaku kepada para pembesar negara yang lain. Mereka bergaul dengan bebas di mana-mana sahaja sama ada di masjid, rumah, pasar, semasa musafir dan bersama-sama di suatu tempat.

Segala hadith yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w diketahui oleh para sahabat dan disampaikan kepada mereka yang tidak bersama dengan mereka pada waktu itu. Dengan itu hadith berkembang di kalangan mereka selari dengan perkembangan al-Quran di samping menjadikannya sebagai satu sumber asasi dan perlengkapan hidup.<sup>21</sup>

---

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī'* al-Islāmi, hal. 56

#### **2.4.1 Perkembangan Hadith Zaman Nabi s.a.w.**

Sejarah telah membuktikan bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w. , para sahabat menerima hadith sebagai sumber rujukan utama mereka selepas al-Quran kerana ia juga merupakan wahyu Allah s.w.t yang yang wajib diikuti dan dijadikan tauladan kepada semua orang sehingga hari kiamat. Firman Allah s.w.t<sup>22</sup>.

وَمَا آتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

شديد العقاب

Maksudnya: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)”

Menyampaikan wahyu Allah (al-Quran dan *al-Sunnah*) kepada umat manusia adalah menjadi kewajipan Nabi Muhammad s.a.w. yang amat penting. Baginda s.a.w. berusaha bersungguh-sungguh menyampaikan amanah Allah s.w.t kepada para sahabatnya sebagai satu ajaran yang menjadi anutan dan amalan mereka di dalam kehidupan ini.<sup>23</sup>

---

<sup>22</sup>Surah al-*Hasyr*, ayat: 7

<sup>23</sup>Muhammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *op. cit.* , hal. 51

Semenjak awal lagi Rasulullah s.a.w. menekankan budaya ilmu di kalangan para sahabat. Mereka digalakkan menghafal al-Quran dan hadith di samping mendalami ilmu agama yang lain.<sup>24</sup>

Justeru, ayat yang pertama diturunkan Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. di Gua Hira menjelaskan tentang kepentingan ilmu dan belajar. FirmanNya :<sup>25</sup>

اقرأ باسم ربك الذي خلق

Maksudnya: “**Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)**”

Segala hadith yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. dihafal dengan baik agar dapat disampaikan kepada orang lain seperti asalnya. Para sahabat tidak membukukannya secara rasmi menurut pendapat sesetengah ulama kerana ditegah oleh Rasulullah s.a.w. berbuat demikian dan dikhuatiri akan bercampur aduk dengan al-Quran.<sup>26</sup>

Di samping mempelajari dan menghafal hadith-hadith yang diperolehi daripada Rasulullah s.a.w., mereka juga disuruh agar menyampaikannya kepada

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, hal. 53

<sup>25</sup> Surah al-'Alaq, ayat: 1

<sup>26</sup> Mustafa al-Siba'i, *op. cit.*, hal. 59

orang lain yang tidak berkesempatan mempelajarinya seperti mereka demi kebaikan dan kemaslahatan bersama.<sup>27</sup>

Para sahabat menerima hadith sama seperti menerima ayat-ayat al-Quran yang diwahyukan Allah s.w.t. Mereka sentiasa mengikuti perkembangan dan segala gerak-geri Rasulullah s.a.w.. Semenjak turunnya wahyu, para sahabat berdampingan dengan Rasulullah s.a.w. sehingga ada yang tinggal bersama baginda s.a.w. semata-mata untuk mendapatkan hadith daripadanya.

Apabila berlaku sesuatu peristiwa, baginda s.a.w menerangkan hukum yang berkaitan dengannya kepada para sahabat., kemudiannya mereka menyampaikannya kepada para sahabat yang lain. Contohnya, ketika Baginda s.a.w. berjalan-jalan lalu ternampak seorang sedang menjual gandum. Setelah bertanya kepadanya akhirnya baginda memasukkan tangannya ke dalam gandum itu dan didapatinya basah (menunjukkan ada penipuan). Lalu baginda bersabda kepada penjual itu:<sup>28</sup>

”وَمَنْ غَشَنَا فَلِيُسْ هُنَا“

Maksudnya: “ Barang siapa menipu kami, maka ia bukan dari golongan kami (Islam) ”.

<sup>27</sup> Muḥammad ‘Ajāj al-Khaṭīb, *op. cit.*, hal. 54

<sup>28</sup> Hadith riwayat Muslim, al-Īmān 147, al-Tarmidhī, al-Buyū’ 1236, Ibn Majah, al-Tijarah 2215, Ahmad , Baqī Musnad al-Mukathirīn 6991, 9027

Di kalangan para sahabat terdapat mereka yang meriwayatkan hadith di dalam jumlah yang banyak daripada Rasulullah s.a.w. disebabkan mereka sentiasa berdampingan dengan baginda s.a.w., sedangkan orang lain sibuk dengan urusan mereka sendiri.

Di antara mereka yang paling banyak meriwayatkan hadith ialah Abu Hurairah r.a (M. 57H) dengan bilangan hadith yang diriwayatkannya adalah sebanyak lima ribu tiga ratus tujuh puluh empat (5374) hadith.<sup>29</sup>

Kemudiannya diikuti oleh 'Abd Allah bin 'Umar r.a (M. 73H) sebanyak dua ribu enam ratus tiga puluh (2630) hadith, Anas bin Malik r.a, (M. 93H) dua ribu dua ratus lapan puluh enam (2 286) hadith, Umm al-Mukminin 'Aisyah r.a (M. 57H) dua ribu dua ratus sepuluh (2210) hadith, Ibn 'Abbas r.a (M. 68H) seribu enam ratus enam puluh (1 660) hadith, Jabir bin 'Abd Allah al-Anṣari r.a (M. 70H) seribu lima ratus empat puluh (1 540) hadith dan Abu Sa'id al-Khudri r.a (M. 63H) sebanyak seribu seratus tujuh puluh (1 170) hadith.<sup>30</sup>

---

<sup>29</sup> Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb, *op. cit.*, hal. 266

<sup>30</sup> Dr. Ṣubḥī al-Ṣaleḥ, 'Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalaḥuhu, Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, Beirut, 1969, hal.359

## 2.4.2 Proses Pengumpulan Hadith Zaman Sahabat

Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. , para sahabat mengembara dari satu tempat ke satu tempat , dari sebuah negeri ke negeri yang lain untuk mendapatkan hadith-hadith daripada sahabat-sahabat lain yang bertaburan di negeri-negeri yang dibuka oleh umat Islam untuk mengajar agama atau sebagai wakil pemerintah di sana. Mereka berbuat demikian adalah bertujuan untuk memastikan keaslian hadith tersebut yang tidak didengarnya tetapi terdapat sahabat lain yang mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w.<sup>31</sup>

Mereka terlalu berhati-hati di dalam menerima sesebuah hadith agar setiap patah hadith yang keluar daripada mulut mereka adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Rasulullah s.a.w. tanpa sebarang kesilapan dan kekeliruan. Bagi mereka hadith sahih yang sedikit jumlahnya adalah lebih baik daripada jumlah yang banyak tetapi salah dan tidak asli sebagaimana hadith yang diriwayatkan sendiri oleh baginda s.a.w.<sup>32</sup>

Keadaan ini juga menyebabkan *Sayyidina* ‘Umar r.a (M. 23H) menyuruh sebahagian sahabat agar mengurangkan periwayatan hadith sebagai langkah berhati-hati untuk memelihara keasliannya.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Muhammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *op. cit.*, hal. 129

<sup>32</sup> *Ibid.* , hal. 85

<sup>33</sup> *Ibid.* , hal. 86

Istilah sahabat yang digunakan di sini merupakan istilah khusus yang digunakan kepada sahabat Rasulullah s.a.w. sahaja. Para ulama tidak sepakat dalam menentukan siapakah yang berhak diistilahkan sebagai sahabat.

Di dalam menentukan siapakah yang layak digelar sahabat, al-Bukhārī menyatakan sahabat ialah seorang orang Islam yang bersahabat atau melihat Rasulullah s.a.w. dianggap sebagai sahabat-sahabatnya.<sup>34</sup>

Sementara Ibn Hajar pula mentakrifkan sahabat sebagai orang yang berjumpa dengan nabi Muhammad s.a.w. dalam keadaan beriman kepadanya dan mati dalam beragama Islam.

Termasuk juga orang yang diistilahkan berjumpa dengan Nabi Muhammad s.a.w. ialah orang yang lama bergaul dengannya atau sekejap, orang yang meriwayatkan (daripadanya) atau tidak, orang berperang (bersamanya) ataupun tidak, orang yang melihatnya walaupun sekali tetapi tidak bersama dengan baginda dan juga orang yang tidak dapat melihatnya kerana ada halangan seperti buta.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Al-Bukhārī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ al-Bukhārī*, jil. 5, hal. 156

<sup>35</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Al-Isābah fī Tamyīz al-Ṣahābah*, Matba’ah al-Sā’adah, Kaherah , 1328H, jil.1, hal.7

Ahli-ahli Hadith sepakat mengatakan bahawa para sahabat adalah bersifat adil.<sup>36</sup> Mereka berhujah berdasarkan pengakuan daripada Allah s.w.t. sendiri seperti firmanNya:<sup>37</sup>

وَالسَّابِقُونَ الْأُولُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضَوْا عَنْهُ وَأَعْدَ اللَّهُمَّ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبْدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ (١٠٠)

Maksudnya: “Dan orang-orang yang terdahulu - yang mulamula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang Muhajirin dan Ansar, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.”

Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan tentang kemuliaan dan kedudukan para sahabatnya yang tinggi di sisi Allah s.w.t. sebagaimana di dalam hadithnya berbunyi :<sup>38</sup>

” خَيْرُ أُمَّتِي الْقَرْنَ الَّذِينَ يَلُونِي ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ ثُمَّ يَجْئِيَ قَوْمٌ تَسْبِقُ شَهَادَةَ أَحَدِهِمْ يَمْبَنِيَ شَهَادَتَهُ . ”

Maksudnya: “Sebaik umatku adalah mereka yang berada dalam generasiku (sahabatku), kemudian orang yang datang

<sup>36</sup> Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Ahmad bin ‘Alī bin Thābit , *al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*, Matba’ah al-Sā’adah, Kaherah, t.t. , hal. 93

<sup>37</sup> Surah al-Taubah, ayat 100

<sup>38</sup> Hadith riwayat daripada al-Bukhārī, al-Imān 22, al-Syahādah 2457, al-Manaqib 3491-34992, Muslim , Fadā’il al-Šaḥabah 4403, 4603, Abu Daud, al-Sunnah 4038, al-Tarmidī , al-Fitan 2148, al-Syahādah 2225, Ahmad, Musnad al-Baṣriyyīn 18979, 18994

**sesudah mereka(para ṭabi'īn), kemudian orang-orang yang sesudah mereka (atba' al-Ṭabi'īn), kemudian datang pula satu generasi yang mendahului sumpah pada penyaksian dan sumpah itu adalah penyaksian mereka”**

Oleh itu, hadith yang disampaikan oleh sahabat tidak diragui kebenarannya. Mereka menerima hadith yang diriwayatkan oleh generasi sahabat walaupun bilangan perawinya hanyalah seorang sahaja. Mereka juga bersungguh-sungguh menyampaikan hadith yang didengarnya kepada orang lain untuk diamalkan dan dijadikan panduan hidup mereka.

Pada masa inilah hadith mula disebarluaskan apabila berlakunya pembukaan negeri-negeri di tangan orang Islam dan penghijrahan para sahabat ke negeri-negeri tersebut.

Justeru, ramai di kalangan para sahabat berhijrah ke wilayah-wilayah tersebut untuk mengajar dan menyebarkan dakwah Islam di sana. Mereka lazimnya mengajar al-Quran dan hadith serta hukum-hakam yang berpandukan kedua-dua sumber tersebut kepada penduduk-penduduk di wilayah tersebut.

Dengan itu hadith disebarluaskan dengan meluas di samping pengajaran al-Quran.<sup>39</sup>

Kegiatan ini dilakukan dengan meluasnya sehingga berjaya melahirkan tokoh-tokoh hadith di kalangan ṭabi'īn dan tumbuhnya banyak madrasah hadith seperti cendawan selepas hujan. Di antara beberapa madrasah

---

<sup>39</sup>Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, hal. 116

yang dibentuk ialah seperti madrasah Hadith di Madinah, Mekah, Kufah, Basrah, Mesir dan Syam.<sup>40</sup>

#### 2.4.3 Penulisan Hadith di Zaman Sahabat

Pada permulaannya Rasulullah s.a.w. melarang para sahabat menulis hadith kerana dikhawatir akan bercampur aduk dengan al-Quran. Tetapi akhirnya baginda membenarkan beberapa orang sahabat tertentu menulisnya seperti ‘Abd Allah bin ‘Amr bin al-‘As r.a, Abu Hurairah r.a, ‘Aisyah r.a, Jâbir bin ‘Abd Allah r.a, Ibn ‘Abbas r.a, ‘Ali bin Abi Talib r.a (M. 40H), ‘Umar al-Khattâb r.a, Ibn Mas’ud r.a (M. 32H), Anas bin Malik r.a (M. 93H), Abu Musa al-Asy’ari r.a (M. 50H) dan al-Barra’ bin ‘Azib r.a (M. 72H).<sup>41</sup>

Hal yang serupa berlaku pada di zaman sahabat, malah bilangan mereka yang menulisnya adalah lebih banyak lagi. Penulisan hadith menjadi penting pada zaman ini memandangkan mereka terutamanya *Khulafa’ al-Râsyidîn* mempunyai hubungan diplomatik dengan pihak lain atau wakilnya yang berada di wilayah lain.

Hadith-hadith tersebut dicatatkan sebagai melambangkan satu kenyataan, pendirian dan arahan yang perlu dilaksanakan. Contohnya Abu Bakr al-Siddiq

---

<sup>40</sup> Ibid.

<sup>41</sup> Muhammad Mustafa Azami, *op.cit* hal. 38-39

r.a (M 13 H) telah menulis surat kepada Anas bin Malik mengandungi hadith yang berhubung dengan kadar zakat.<sup>42</sup>

#### 2.4.4 Hadith di Zaman Tabi'in

Pada zaman ini berlakunya satu perkembangan yang besar di dalam ilmu Hadith. Ahli-ahli Hadith terpaksa lebih berhati-hati untuk menerima satu-satu hadith kerana telah berlaku fitnah yang besar disebabkan oleh perpecahan umat Islam akibat pertikaian politik di antara 'Ali r.a dan Mu'awiyah r.a (M. 60H) di akhir pemerintahan 'Ali.

Pertikaian ini berlarutan kepada zaman Tabi'in sehingga merebak kepada permasalahan akidah dan ibadah serta soal-soal kehidupan yang lain. Untuk memenangkan puak masing-masing, mereka terpaksa mereka-reka hadith palsu bagi menguatkan dan mempertahankan hujah dan pendapat yang dipegang itu.<sup>43</sup>

Keadaan ini telah mendorong para ulama terutamanya ahli-ahli Hadith berusaha menitikberatkan kesahihan hadith dan mengenali silsilah periwayatan

---

<sup>42</sup> Al-Bukhari, *op.cit.*, jil.2, hal.114<sup>f</sup>(kitab al-zakah bab al-Ard fi al-Zakah)

<sup>43</sup> Ahmad 'Umar Hasyim, *op.cit*, hal. 27

hadith yang kemudiannya telah membentuk satu cabang ilmu Hadith yang penting iaitu *Isnād al-Hadīth*.<sup>44</sup>

#### 2.4.5 Pembukuan Hadith Secara Rasmi

Hasil daripada perkembangan ilmu dalam hadith, usaha-usaha pengumpulan dan pembukuan hadith dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh pemerintah Islam bertujuan untuk menjaga kesucian hadith daripada dinodai oleh gejala-gejala pemalsuan hadith dan penyelewengan terhadapnya.

Langkah ini telah dimulakan oleh Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz ( M 101 H ) untuk tujuan tersebut. Beliau mengarahkan gabenorinya di Madinah Abu Bakr bin Muḥammad bin ‘Amr bin Hazm (M. 120H) agar mengumpul dan menulis hadith daripada ahli-ahli Hadith di sana. Beliau begitu komited melakukan tugas ini dengan mengarahkan Sa’ad bin Ibrāhīm (M. 125H ) dan rakan-rakannya di kalangan ahli Hadith agar mengumpul hadith untuk dihantar kepada wilayah-wilayah Islam.<sup>45</sup>

---

<sup>44</sup>*Ibid.*

<sup>45</sup> Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Taqyid al-Ilm*, (E.d) Yusuf al-‘Asy, Dar Ihya’ al-Sunnah al-Nabawiyah, Damsyiq , 1974, hal. 105

Tindakan beliau yang bersungguh-sungguh ini mendapat perhatian dan sambutan daripada ahli-ahli Hadith. Di antara mereka yang menyahut seruan beliau ialah al-Zuhri (M. 124H) , ‘Abd Allah bin Musa (M. 102) , Makhul bin al-Syāmi (M. 118) dan lain-lain.<sup>46</sup>

Daripada keterangan di atas dapat di buat rumusan bahawa pada zaman ini proses pembukuan dan pengumpulan hadith menjadi lebih hebat lagi. Hadith telah dikumpulkan secara rasminya oleh Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz.

#### **2.4.6 Hadith di Zaman Atba’ al-Tabi’in**

Pada umumnya para ulama Hadith zaman tersebut meneruskan manhaj yang dibawa oleh para tabi’in dengan mengkaji sumber-sumber dari mana datangnya hadith tersebut untuk mengelakkan penipuan dan pemalsuan hadith.

Bagi membuktikan usaha tersebut, pembukuan hadith secara rasmi bermula pada masa Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz. Di antara faktor terbesar yang mendorong baginda untuk melakukan tugas ini secara rasmi ialah kerana gerakan pemalsuan hadith pada masa ini berkembang dengan hebat. Kebanyakan

---

<sup>46</sup> Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman al-Dhahabi, *Tadzhkirah al-Huffaz*, Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut, 1956, jil. 1, hal. 94

tokoh-tokoh hadith di kalangan tabi'in telah wafat dan kehilangan mereka menyebabkan penyebaran hadith terbantut.<sup>47</sup>

Begitulah dengan perkembangan yang berlaku selepasnya. Ahli-ahli Hadith meneruskan usaha-usaha tersebut berlandaskan hadith-hadith yang dikumpulkan sebelum ini.

## 2.5 Hadith Sebagai Hujah di Dalam Akidah

Hadith merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran. Terdapat banyak dalil yang menunjukkan wajib beramal dengan hadith Rasulullah s.a.w. Firman Allah:<sup>48</sup>

يأيها الذين آمنوا أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم فإن تنازعتم في شيءٍ فردوه إلى الله والرسول إن كنتم تؤمنون بالله واليوم الآخر ذلك خير وأحسن تأويلاً (٥٩)

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *U'il-Amri* (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada

<sup>47</sup> Muhammad Abu Zahw, *al-Hadīth wa al-Muhaddithūn*, Syarikah Muṣḥamah Misriyah, Mesir, 1958, hal. 127

<sup>48</sup> Surah al-Nisa', ayat 59

**Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”**

Rasulullah s.a.w juga bersabda di dalam hadith riwayat daripada Abu Hurairah:<sup>49</sup>

” كُلُّ أُمَّةٍ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبْيَأَهُ أَبْيَأَهُ رَسُولُ اللَّهِ وَمَنْ يَأْبِي  
قَالَ مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبْيَأَهُ ”

Maksudnya: “Setiap umatku akan dimasukkan ke dalam syurga kecuali mereka yang enggan, ditanyakan kepada Rasulullah : siapakah yang dikatakan enggan itu ? Baginda menjawab : sesiapa yang taat kepadaku akan dimasukkan kedalam syurga dan sesiapa yang menderhakaiku maka sesungguhnya ia enggan (akan dimasukkan ke dalam neraka) ”.

Para sahabat secara ijma' menerima hadith sebagai sumber syariat Islam bersama al-Quran. Ini telah dipraktikkan oleh *Khulafā' al-Rāsyidīn* dan mereka yang selepasnya sama ada di dalam pertuturan maupun perbuatan dan amalan mereka.<sup>50</sup>

### **2.5.1 Kedudukan Akidah di Dalam Islam**

Akidah merupakan persoalan terawal dan paling utama dikemukakan oleh para rasul a.s di dalam dakwah mereka. Ia juga merupakan asas utama di

---

<sup>49</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, al-'I'tisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah 6737, Muslim, al-Imārah 3417, al-Nasa'ī, al-Bai'ah 4122, Iḥnā Majah, al-Muqaddimah 3

<sup>50</sup> Dr. Yusuf al-Qaradāwī, *al-Madkhāl li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyah*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1992, hal.43

dalam pembinaan masyarakat yang harmonis dan diredhai Allah s.w.t. Akidah Islam merangkumi beriman kepada Allah s.w.t. , malaikat , kitab-kitab yang diturukan Allah kepada utusanNya , para nabi dan rasul a.s. dan hari pembalasan di akhirat nanti.<sup>51</sup> Firman Allah s.w.t.<sup>52</sup> :

آمن الرسول بما أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ آمِنٍ بِاللهِ وَمَا لَّا يَتَكَبَّرُ  
وَرَسُولُهُ لَا نَفِقْ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رَسُولِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطْعَنَا غَفَرَانُكَ رَبِّنَا

وَإِلَيْكَ الْمُصِيرُ (٢٨٥)

Maksudnya : "Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari TuhanNya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikatNya, dan kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain rasul-rasulNya". Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali."

Melalui pembinaan akidah yang mantap , akan menjadikannya seorang muslim yang percaya dengan penuh keyakinan terhadap kekuasaan Allah s.w.t sebagai pencipta, pentadbir alam ini yang Maha Berkuasa dan Sempurna. Tidak ada tuhan yang layak disembah melainkanNya sahaja. Ia juga dikenali sebagai tauhid *al-Rububiyyah*.<sup>53</sup>

---

<sup>51</sup> Yusuf al-Qaradawi , *Malāmih al-Mujtama' al-Muslim* , Maktabah Wahbah , Kaherah, 1993, hal. 9

<sup>52</sup> Surah al-Baqarah , ayat : 280

<sup>53</sup> Abu Hasan 'Ali al-Nadawi , *Minhāj al-Salihin 'Aqīdah wa Sulūk* , Dar al-Basyir, Kaherah, t.t., hal. 48

Manakala akidah melalui pendekatan tauhid *al-Ulūhiyyah* pula menjelaskan bahawa segala ketaatan dan kepatuhan di dalam melakukan ibadat dan tata cara kehidupan ini hanya kepada Allah s.w.t. semata-mata tanpa sebarang sekutu bagiNya. Ia merangkumi semua aspek kehidupan. Keadaan ini akan menjadikan seorang muslim begitu taat terhadap segala ajaran Allah s.w.t. dan tidak melanggar syariatNya di dalam al-Quran mahupun hadith.<sup>54</sup>

Adapun akidah syirik menjadikan manusia mengabdikan diri kepada sesama makhluk yang amat lemah melalui kepercayaan karut marut. Ini menyebabkan kehidupan mereka sentiasa berada di dalam kegelapan jahiliyah dan kehinaan sama ada di dunia mahupun akhirat.<sup>55</sup>

Suasana yang harmoni dapat diwujudkan di dalam masyarakat apabila umat Islam berpegang teguh dengan ajaran Islam dan akidah yang sahih yang sentiasa mengajak manusia ke arah kebaikan dan menjauhi keburukan. Firman Allah s.w.t<sup>56</sup> :

وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الإثم والعدوان واتقوا الله  
إن الله شديد العقاب (٢)

---

<sup>54</sup>*Ibid.*

<sup>55</sup>*Ibid.*, hal. 55

<sup>56</sup>Surah al-Mâ'idah , ayat : 2

Maksudnya : “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

Kesimpulannya, akidah Islam berjaya membentuk keperibadian mulia di dalam kehidupan muslim melalui tiga asas utama akidah iaitu meyakini Allah s.w.t sebagai tuhan yang memiliki segala kekuasaan di langit dan bumi , memberikan ketaatan yang mutlak hanya kepadaNya sahaja dan melaksanakan segala tuntutanNya di dalam syariat yang diturunkan melalui para rasul a.s. Justeru itu akidah mempunyai kedudukan yang amat istimewa di dalam Islam.

### **2.5.2 Akidah Semasa Rasulullah s.a.w.**

Rasulullah s.a.w telah menjelaskan tentang usul (usuluddin) di dalam Islam kepada para sahabat secara menyeluruh agar mereka benar-benar memahami tentang kewujudan mereka di dunia ini untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t dengan menggunakan metodologi al-Quran dan *al-Sunnah*.<sup>57</sup>

---

<sup>57</sup>Dr. Muṣṭafā Ḥilmī, *Uṣūl al-Dīn*, Dar al-Da'wah Iskandariah, t.t , hal. 15

Pendekatan yang dibawa oleh baginda s.a.w telah memberi pengaruh yang amat besar di dalam diri para sahabat ditambah pula dengan mereka menyaksikan sendiri penurunan wahyu al-Quran dan bertanya kepada baginda s.a.w sendiri tentang perkara yang perlu kepada penjelasan dan penerangan.<sup>58</sup>

Mereka berpegang dengan al-Quran di dalam mengenal Allah s.w.t , mengitibarkan sifatNya, mengenali para nabi dan rasul. ‘a.s. Disamping itu, penjelasan Rasulullah tentang persoalan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat* mengukuhkan lagi akidah mereka.<sup>59</sup>

Al-Zarkasyi (M. 794H) menyatakan punca kekuatan akidah para sahabat pada masa tersebut ialah dengan tauhid mereka tentang kepercayaan kepada *khaliq* (Allah) , nama, sifat dan perbuatanNya, mengingati janji baik dan buruk, syurga dan neraka serta hukum-hukum dengan berpandukan sumber-sumber wahyu daripada al-Quran dan *al-Sunnah* tanpa ragu-ragu sedikit pun malah mereka mengatakan : “kami beriman kepada Allah s.w.t dengan sebenar-benarnya (آمنت بالله) ..<sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> *Ibid.* , hal. 13

<sup>59</sup> *Ibid.* hal. 14

<sup>60</sup> Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abd Allāh al-Zarkasyī, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī, t.t., juz. 1, hal.17

Rasulullah s.a.w melarang daripada berfikir tentang Zat Allah s.w.t , sebaliknya hendaklah berfikir terhadap kejadian dan penciptaan Allah s.w.t seperti kejadian langit , bumi dan segala isi kedua-duanya seperti di dalam hadith baginda s.a.w<sup>61</sup>

” لا يزال الناس يتسألون حتى يقال هذا خلق الله الخلق فمن خلق الله ؟  
فمن وجد ذلك فليقل آمنت بالله ”

Maksudnya: “Sentiasalah manusia bertanya-tanya tentang Allah yang menjadikan makhluk, oleh itu siapa pula yang menjadikan Allah ? Sesiapa yang mendapat sedemikian hendaklah mengatakan aku beriman dengan Allah (seperti yang diperintahkan)”

Nabi s.a.w telah meletakkan asas yang kukuh di dalam mengenali perkara berkaitan usuluddin dan *furu'nya* dengan berpandukan terhadap apa yang dinyatakan Allah s.w.t di al-Quran dan wahyu Allah kepada Nabi s.a.w. Segala perbahasan adalah berpandukan kepada kedua-dua sumber tersebut. Inilah manhaj yang digunakan oleh ahli Hadith (*Salaf*) di dalam metodologi akidah mereka.<sup>62</sup>

### 2.5.3 Kedudukan Hadith Sebagai Sumber Islam

Al-Quran merupakan sumber Islam yang utama. Di samping itu hadith Rasulullah s.a.w sebagai penjelasan dan pelengkap al-Quran. Kedua-dua sumber

---

<sup>61</sup> Hadith riwayat Muslim, al-*Imān*<sup>190</sup>

<sup>62</sup> Dr. Mustafa Hilmī, *op.cit*, hal. 14

tersebut tidak boleh dipisahkan dan dipertikaikan kerana keduanya-duanya itu datang melalui wahyu Allah s.w.t

Rasulullah s.a.w telah menjadi tempat rujukan utama mereka apabila timbul sebarang kemosyikilan dan masalah terutamanya persoalan akidah di dalam kehidupan mereka.<sup>63</sup>

Gabungan di antara al-Quran dan hadith membuktikan kesyumulan Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. . Kedudukan hadith menjadi lebih istimewa apabila umat Islam diwajibkan mengikuti segala ajaran baginda s.a.w. sama ada berbentuk suruhan maupun larangan. Ia bersesuaian dengan firman Allah s.w.t.<sup>64</sup>

يأيها الذين آمنوا أطعوا الله وأطعوا الرسول وأولي الأمر منكم فإن  
تنازعتم في شيء فردوه إلى الله والرسول إن كنتم تؤمنون بالله واليوم  
الآخر ذلك خير وأحسن تأويلا(٥٩)

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *Ulil-Amri* (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.

<sup>63</sup> Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, hal. 68

<sup>64</sup> Surah al-Nisa', ayat : 59

Ini menjelaskan bahawa hanya al-Quran dan hadith sahajalah yang boleh menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan kegelapan hidup di dunia mahupun di akhirat.

Ketaatan kepada Rasulullah s.a.w. bermakna ketaatan kepada Allah s.w.t. juga. Ijma' ulama menyatakan bahawa al-Quran dan hadith yang sahih sebagai sumber utama akidah yang tidak boleh dipertikaikan lagi.<sup>65</sup>

Hadith yang dijadikan sebagai hujah di dalam akidah hanyalah hadith yang benar-benar berautoriti seperti hadith Mutawatir. Manakala hadith Ahad yang sahih dan disokong oleh riwayat yang lain juga diterima sebagai hujah. Manakala hadith *da'iif* tidak diterima sama sekali di dalam akidah.<sup>66</sup>

#### **2.5.4 Penggunaan Hadith Ahad di dalam Akidah**

##### **i. Bahagian Hadith Mutawatir**

Ahli hadith telah membahagikan hadith kepada Mutawatir dan Ahad. hadith Mutawatir ialah hadith yang diriwayatkan oleh bilangan yang ramai di

---

<sup>65</sup>Ibn Hajar al-'Asqalani, *al-Nukat 'ala Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*, Dar Ibn al-Jauzi, Makkah, Saudi Arabia, 1992, hal. 58. Lihat juga Dr. Ahmad 'Umar Hasyim, *op. cit.*, hal 150

<sup>66</sup>*Ibid.*

setiap peringkat dan mustahil untuk mereka melakukan pendustaan terhadap Rasulullah s.a.w.<sup>67</sup>

Hadith Mutawatir mempunyai kedudukan yang kukuh kerana ia diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai di dalam setiap peringkat. Justeru, para ulama sepakat bahawa umat Islam wajib beramal dengan hadith Mutawatir kerana ia telah sampai kepada darjat *yaqin*<sup>68</sup> dan orang yang menolak hadith tersebut adalah kafir. Contoh hadith tersebut adalah seperti sabda Rasulullah s.a.w.<sup>69</sup>

”من كذب على متعمداً فليتبواً مقعده من النار“

Maksudnya: “Barang siapa yang mendustaiku dengan sengaja maka akan disediakan tempat duduknya di dalam neraka”.

## ii. Bahagian Hadith Ahad

Manakala hadith Ahad pula ialah hadith yang tidak memenuhi syarat-syarat bilangan perawi untuk sampai ke peringkat hadith Mutawatir sama ada

---

<sup>67</sup>Aḥmad ‘Umar Hasyim, *op.cit.* hal. 145

<sup>68</sup>Muhammad ‘Ajjāj al-Khatīb, *op. cit*, hal. 301

<sup>69</sup>Hadith riwayat al-Bukhārī, al-‘Ilm 107, Muslim, al-Muqaddimah 4, al-Adab 3981, Abu Daud, al-Adab 4314, al-Tarmidhī, al-Rū’ya 2206, Ibn Mājah, al-Adab 3725, Ahmad, Baqī Musnad al-Mukathirin 6771, 7073, 7218, 7333

bilangan perawinya satu mahupun ramai. Ia adalah hadith *sahīh*, *hasan* dan *da'īf*.<sup>70</sup>

Hadith Ahad digunakan dengan meluas sebagai hujah dan dalil. Ini adalah disebabkan kerana sebilangan besar daripada jumlah hadith adalah berbentuk hadith Ahad jika dibandingkan dengan hadith Mutawatir dengan bilangannya yang amat sedikit. Para ulama tidak sepakat tentang penggunaan hadith Ahad di dalam hujah.

Jumhur Sahabat dan Tabi'in berpendapat bahawa hadith Ahad dikira sebagai hujah dan wajib beramal di dalam semua perkara yang berkaitan dengannya. Ia mencakupi perkara yang berkaitan dengan akidah, fiqh, akhlak dan semua urusan kehidupan individu mahupun bermasyarakat.<sup>71</sup>

Sementara itu ada golongan yang berpendapat bahawa hadith Ahad tidak boleh dijadikan hujah dan tidak wajib beramal dengannya. Pendapat ini telah dipelopori oleh golongan al-Rawafid, al-Qadariah, al-Jubba'i daripada al-Mu'tazilah.<sup>72</sup>

---

<sup>70</sup>Muhammad 'Ajjāj al-Khatīb, *op. cit.*, hal.156

<sup>71</sup>Ahmad 'Umar Hasyim, *op. cit.*; hal. 157

<sup>72</sup>*Ibid.*

Sebahagian daripada ulama Mu'tazilah berpendapat bahawa apabila ummah (di dalam bilangan yang ramai) beramal dengan hadith tersebut maka ia dikira sebagai sahih . Ini kerana secara logiknya ia menjadi kuat dan boleh dibuat hujah dengan riwayat yang banyak.<sup>73</sup>

Al-Jubba'i (M. 303H) menjelaskan bahawa tidak wajib beramal dengan sesuatu hadith kecuali ia diriwayatkan oleh bilangan perawi yang ramai sekurang-kurangnya dua orang , malah ada juga yang berpendapat bahawa bilangan perawinya hendaklah sekurang-kurangnya seramai empat orang di setiap peringkat.<sup>74</sup>

Ini menunjukkan bahawa mereka menolak hujah hadith Ahad dengan alasan sesuatu hadith boleh dibuat hujah sekiranya diriwayatkan oleh bilangan yang ramai bahkan sehingga mencapai peringkat Mutawatir dari segi bilangan perawinya.

Menurut mereka , hadith Ahad merupakan hukum tambahan ke atas nas-nas al-Quran yang telah lengkap. Oleh itu ia tidak boleh dijadikan sebagai hujah

---

<sup>73</sup> Abu al-Faid, Muhammad bin Ja'far al-Kattani, *Nazm al-Mutanāthir fi al-Hadīth al-Mutawatir*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, 1983 , hal. 28

<sup>74</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *Qawa'id al-Tahdīth* , hal. 148

kecuali hadith Mutawatir yang diriwayatkan oleh perawi yang ramai dan mustahil mereka akan melakukan pendustaan terhadap Rasulullah s.a.w.<sup>75</sup>

Jumhur ulama yang berpendapat hadith Ahad sebagai hujah adalah berdasarkan kepada dalil-dalil dan hujah daripada nas al-Quran, hadith dan ijma' para sahabat. Mereka berdalilkan al-Quran tentang boleh menerima perkhabaran daripada seseorang itu sekiranya beliau bukan seorang yang fasik. Allah s.w.t. berfirman:<sup>76</sup>

يأيها الذين آمنوا إن جاءكم فاسقٌ بِنَبِيٍّ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تَصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ  
فَتَصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Daripada ayat tersebut dapatlah difahami bahawa sekiranya perkhabaran itu dibawa oleh seseorang yang dipercayai fasik maka hendaklah memastikan terlebih dahulu kebenaran berita yang dibawanya itu. Sebaliknya, jika berita tersebut dibawa oleh seorang yang boleh dipercayai (*thiqah*), maka perkhabaran tersebut boleh diterima. Begitu juga dengan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh

<sup>75</sup>*Ibid.*, hal. 149

<sup>76</sup>Surah al-Hujurat, ayat 6

perawi yang dikenali umum sebagai seorang yang *thiqah* adalah lebih layak untuk diterima.<sup>77</sup>

Terdapat banyak hadith yang menunjukkan boleh menerima Hadith Ahad sebagai hujah sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud r.a , sabdanya:<sup>78</sup>

”من أحدث عنى بحديث يرى أنه كذب فهو أحد الكاذبين“

Maksudnya: “Sesiapa yang meriwayatkan daripadaku hadith dan dilihat (berat sangka) sebagai pendusta maka ia digolongkan sebagai salah seorang pendusta”.

Para sahabat juga secara ijma' menerima hadith Ahad sebagai hujah di dalam kehidupan mereka. Di dalam peristiwa pertukaran arah kiblat dari Baitul Muqaddis ke Ka'bah di Mekah, mereka pada masa itu melakukan solat Subuh di Quba' menerima berita tersebut hanya daripada seorang sahabat sahaja lantas memusingkan arah sembahyang mereka ke arah Ka'bah di Mekah.<sup>79</sup>

---

<sup>77</sup>Ahmad 'Umar Hasyim, *op. cit.*, hal. 157

<sup>78</sup>Hadith riwayat al-Bukhari, al-Jana'iz 1209, Muslim, Muqaddimah 1, al-Tarmidhi, al-Ilm 2586, Ibn Majah, al-Muqaddimah 39, 41

<sup>79</sup>Ahmad 'Umar Hasyim, *op. cit.*, hal.158

Kejadian ini menunjukkan mereka menerima hadith Ahad sebagai hujah di dalam amalan mereka. Hal ini telah diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar di dalam hadithnya:<sup>80</sup>

”بَيْنَمَا النَّاسُ بِقَبْرِهِ إِذْ جَاءُوهُمْ آتٌ، فَقَالُوا: إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أُنْزِلَ عَلَيْهِ الْلَّيْلَةِ قُرْآنٌ وَقَدْ أَمْرَ أَنْ يَسْتَقْبِلَ الْقَبْلَةَ فَاسْتَقْبَلُوهَا وَكَانَتْ وِجْهَهُمْ إِلَى الشَّامِ فَاسْتَدَارُوا إِلَى الْكَعْبَةِ“

Maksudnya: “Ketika sekelompok manusia (sahabat) berada di Quba’ telah didatangi oleh seseorang dan berkata: sesungguhnya Nabi s.a.w. telah diturunkan wahyu kepadanya pada malam tadi dan diperintahkan supaya menghadap kiblat di mana sebelum ini mereka mengadap ke arah Syam, lantas mereka memusingkan diri ke arah kaabah”.

Namun begitu , para ulama tidak sepakat di dalam menentukan syarat hadith Ahad yang boleh beramal dengannya berdasarkan kepada perawi hadith yang sedikit dan tidak sampai tahap Mutawatir termasuklah bilangan perawinya seorang sahaja.

Al-Āmīdī (M. 631H) dan Ibn al-Hājib (M. 646H) menjelaskan bahawa wajib beramal dengan hadith Ahad secara mutlak apabila menepati syarat-syarat hadith sahih.<sup>81</sup>

---

<sup>80</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Ṣaḥīḥ 388, Muslim, al-Masājid wa Mawādi’ al-Ṣaḥīḥ 820, al-Nasa’ī, al-Qiblah 737

<sup>81</sup> Abu al-Faid, Ja’far al-Kattānī, *op.cit.*, hal. 26

Manakala al-Subki<sup>82</sup> (M. 771H) menyatakan bahawa hadith Ahad tidak wajib beramal dengannya secara mutlak walaupun terdapat *qarīnah* iaitu hadith lain yang menyokongnya agar lebih kuat melainkan hadith tersebut memenuhi syarat adil di dalam periyawatan hadith.<sup>82</sup>

Jumhur ulama seperti al-Asfīrainī<sup>83</sup> (M. 418H), Ibn al-Sālah<sup>84</sup> (M. 643H), al-Syīrāzī<sup>85</sup> (M. 476H) dan Ibn Taimiyah berpendapat bahawa hadith Ahad boleh beramal dengannya apabila diikuti oleh *qarīnah* yang banyak seperti hadith al-*Masŷhūr* di dalam permasalahan akidah dan seumpamanya.<sup>83</sup>

Berdasarkan pendapat di atas menunjukkan bahawa ulama begitu berhati-hati menerima sesuatu hadith agar ia datang daripada sumbernya yang asal terutamanya di dalam persoalan akidah.

---

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*